



KENYATAAN MEDIA

Majlis Perundangan Melayu (MPM), Menegur Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan Berkaitan Pindaan RUU 355

Majlis Perundangan Melayu (MPM) mengikuti perkembangan cadangan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Akta 355 yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini. Terkini ialah kenyataan yang dibuat oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, yang disiarkan dalam Sinar Harian, Sabtu 2 September 2016. Beliau menyatakan Ahli Parlimen Islam wajib menyokong RUU 355 itu.

MPM memandang serius kenyataan beliau itu dan dengan ini membuat teguran terhadapnya. Sebagai Mufti Wilayah Persekutuan, beliau adalah Penasihat Hal-ehwal Agama Islam kepada DYMM Yang DiPertuan Agong. Diatas kedudukan dan tanggung-jawab itu, beliau tidak sewajarnya mencampuri urusan politik.

Isu pindaan RUU 355 ini adalah satu isu politik tajaan PAS, maka beliau sebagai Mufti Wilayah Persekutuan tidak sepatutnya terjerat sama dalam isu politik ini. Beliau sepatutnya, bersama-sama lain-lain Mufti, mengesyorkan isu undang-undang Syariah ini dirujuk kembali kepada Majlis Raja-Raja, kerana hal-ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Raja-Raja, bukan di bawah bidang kuasa Parlimen.

Apabila beliau menggunakan istilah 'wajib' maka kenyataannya itu, atas kapasitinya sebagai Mufti, sudah menyamai sebagai satu fatwa, maka hukumnya haram bagi Ahli Parlimen Islam yang tidak menyokong pindaan RUU itu, sedangkan Parlimen bukanlah punca kuasa bagi penggubalan rang undang-undang berkaitan undang-undang syariah. Malah kenyataan Ketua Pemuda PAS, Nik Abduh, yang dipetik oleh Sinar Harian, pada 10 Jun 2016 berhubung isu yang sama, adalah lebih berhemah, apabila beliau, sekalipun sebagai ahli politik, hanya menggunakan perkataan 'saranan' dalam membuat saranan agar Kerajaan menyokong pindaan tersebut.

Maka dengan ini MPM menyeru agar Mufti Wilayah Persekutuan tidak terjerat dalam kancah politik, sebaliknya menumpukan perannya sebagai Mufti, iaitu sebagai Penasihat Hal-Ehwal Agama Islam kepada DYMM Yang diPertuan Agung. Maka dengan ini MPM meminta Mufti Wilayah Persekutuan menarik balik kenyataannya itu, atau paling tidak, menjauhkan diri dari menyentuh isu-isu politik.

Tan Sri Abdul Aziz Abd Rahman
Ahli Lembaga Penasihat Majlis Perundangan Melayu,
Tel: 012-3065054
Kuala Lumpur, 4 Sept 2016